

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN TUAN MAN
(KUBANG KERIAN)**

TARIKH : 9 JULAI 2019

SOALAN NO.

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan dalam berhadapan desakan Kerajaan India bagi mengekstradisi pendakwah Dr. Zakir Naik.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri tidak menghalang kemasukan Dr. Zakir Naik ke Malaysia kerana kemasukan beliau ke Malaysia sebelum ini adalah mengikut prosedur biasa dan mematuhi peraturan dan undang-undang negara.

Dalam isu Dr. Zakir Naik, Kerajaan tidak memberi layanan yang istimewa kepada beliau seperti yang diwar-warkan oleh pihak media sosial. Beliau memasuki dan keluar dari Malaysia melalui saluran yang sah daripada segi undang-undang.

Mengenai permohonan *provisional arrest* daripada Kerajaan India berdasarkan nota diplomatik pada 29 Disember 2017 dan disusuli permohonan rasmi ekstradisi daripada Kerajaan India pada 19 Januari

2018, terdapat peruntukan dalam Triti Ekstradisi antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik India dan Akta Ekstradisi 1992 (Akta 479) yang memperuntukkan *Restrictions on return of fugitive criminals* termasuk kesalahan yang pemulangannya bersifat politik, tujuan membicarakan, menghukum berdasarkan kesalahan bersifat politik atau dia mungkin terjejas dalam perbicaraannya atau dihukum oleh sebab rasnya, agamanya, kerakyatannya atau fahaman politiknya bagi maksud mendakwa atau menghukum.

Berdasarkan perkara-perkara yang dinyatakan, Malaysia berhak mempertimbangkan untuk tidak memenuhi permintaan ekstradisi tersebut adalah yang bersifat politik seperti dinyatakan Artikel 6 Perenggan (1)(a) Artikel 6 Triti Ekstradisi tanpa menyatakan keperluan sebab penolakan permintaan ekstradisi tersebut. Selain itu, terdapat peruntukan untuk tidak meneruskan proses ekstradisi dengan mengambil kira segala hal keadaan demi kepentingan keadilan jika orang yang dikehendaki tersebut tidak akan mendapat keadilan jika dihantar pulang atau terdapat suatu penindasan atau ancaman nyawa terhadapnya.

Di samping itu, Kementerian juga membuat semakan pada senarai *red notice Interpol* dan mendapati nama Zakir Naik tidak tersenarai sebagai orang yang dikehendaki. Semakan pada senarai entiti pengganas dalam senarai United Nation Security Council Resolutions (UNSCR) juga mendapati nama beliau tidak tersenarai orang yang disyaki.